



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI BUMI TUARAN 2025**

22 APRIL 2025 (SELASA)

**PUSAT KOKURIKULUM SABAH, KEM MELANGGANG KIULU,
TUARAN, SABAH**

Terima kasih Pengacara majlis,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.

-SALUTASI-

1. **Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau**
Ahli Parlimen Tuaran merangkap Pengerusi Pelaksana Sambutan Hari Bumi Tuaran Tahun 2025
2. **Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
3. **Yang Berusaha Tuan Herman Tungginging**
Pegawai Daerah Tuaran
4. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Dif-dif kehormat
5. Ketua-ketua Jabatan serta agensi Persekutuan dan Negeri
6. Rakan-rakan Strategik Hari Bumi Tuaran 2025
7. Tuan-tuan, Puan- puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

PENGENALAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada hadirin sekalian untuk bersama-sama hadir memeriahkan Majlis Perasmian Sambutan Hari Bumi Tuaran di Pusat Kokurikulum Sabah, Kiulu, Tuaran pada hari ini.
2. Sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya amat berbesar hati mengalu-alukan semua yang hadir bagi menjayakan agenda kelestarian negara melalui sambutan Hari Bumi ini.

3. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput saya untuk berkunjung Sabah, Negeri di Bawah Bayu khususnya ke Kiulu, Tuaran yang indah ini bagi menghadiri dan merasmikan sambutan Hari Bumi Tuaran pada hari ini.

SAMBUTAN HARI BUMI

Hadirin sekalian,

4. Sambutan Hari Bumi adalah sambutan tahunan di seluruh dunia yang telah disertai oleh 192 buah negara dan disambut pada 22 April setiap tahun. Sambutan ini adalah bertujuan menzahirkan sokongan masyarakat dunia terhadap usaha-usaha dalam melestarikan alam sekitar. Syabas saya ucapkan kepada daerah Tuaran kerana turut sama menyertai sambutan Hari Bumi yang ke-55 tahun ini, bersama-sama masyarakat dunia yang lain.

5. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Ahli Parlimen Tuaran kerana telah mengilhamkan penganjuran sambutan ini. Saya difahamkan ini merupakan Sambutan Hari Bumi kali kedua yang diadakan di Tuaran. Tahun lepas, sambutannya diraikan dengan aktiviti penanaman pokok sebanyak lebih 21,000 pokok oleh murid-murid sekolah di seluruh daerah Tuaran.

6. Bagi sambutan tahun ini saya difahamkan, aktiviti penanaman pokok masih dikekalkan sebagai acara utama. Malah, kali ini aktiviti tersebut akan dicatat sebagai dua (2) rekod dalam *The Malaysia Book of Records* sebagai acara Penanaman Pokok Liposu (*Baccaurea Lanceolata*) terbanyak dan serentak melibatkan penanaman sebanyak

8,800 anak pokok. Aktiviti penanaman ini turut melibatkan murid-murid di seluruh 85 sekolah di Tuaran. Satu rekod akan dipegang oleh Pejabat Pendidikan daerah Tuaran dan satu rekod lagi, oleh Jabatan Alam Sekitar Sabah. Aktiviti ini juga turut menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2020-2025.

7. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Rakan Strategik yang turut sama memberi sumbangan bagi penganjuran sambutan Hari Bumi Tuaran 2025 seperti Sabah Electricity Sdn. Bhd., Kumpulan Sawit Kinabalu, PETRONAS Carigali Sdn Bhd, Sabah Kibing Solar New Material (M) Sdn. Bhd. dan Chemsain Konsultant Sdn. Bhd.

PEMERKASAAN ALAM SEKITAR

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Kementerian NRES terus komited dalam memperkukuhkan pemerkasaan pengurusan alam sekitar di Malaysia. Dalam Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada Oktober lepas bagi Sub sektor Alam Sekitar, sejumlah RM160 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus manakala sebanyak RM3.20 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2025.

9. Bagi konteks pemetaan Anggaran Perbelanjaan bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan, SDG pula, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM9.6 billion bagi menyokong Matlamat ke 6 iaitu Air Bersih dan Sanitasi manakala bagi menyokong Matlamat ke 13 iaitu Tindakan Iklim, sebanyak RM5.2 bilion diperuntukkan pada tahun 2025.

10. Selain itu, Kerajaan juga memberi penekanan terhadap aspek penguatkuasaan alam sekitar melalui usaha pengukuhan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan penambahbaikan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dengan peruntukan berjumlah RM3.9 juta.

11. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 2024) telah mula dikuatkuasakan pada 7 Julai 2024. Antara intipati pindaan akta ini adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

i. Pemantapan hukuman penalti dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, manakala denda maksimum tidak melebihi RM10 juta;

ii. Peningkatan kadar kompaun daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan;

iii. Pewujudan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual;

iv. Hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun ke atas bagi kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan terhadap keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA); dan

v. Pakaian seragam kepada semua pegawai JAS yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar yang setaraf dengan agensi-agensi

penguatkuasa yang lain.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

11. Penganjuran Sambutan Hari Bumi pada hari ini memperlihatkan komitmen kita terhadap keperluan mewujudkan kesedaran dan mengambil tindakan berkesan terhadap isu alam sekitar yang kritikal.

12. Saya ucapkan sekali lagi syabas dan tahniah kepada penganjur dan semua agensi kerajaan yang terlibat atas kejayaan mengadakan sambutan Hari Bumi ini. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Rakan Strategik yang telah menyumbang dalam penganjuran Hari Bumi Tuaran kali ini.

13. Akhir kata, saya berharap agar Sambutan Hari Bumi ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat mencapai objektif yang diharapkan. Saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Bumi Tuaran 2025.

Sekian, terima kasih.